

Kekalkan pemerintahan kerajaan sedia ada — Mustapa

KOTA BHARU 6 Jun — Rakyat perlu mengekalkan pemerintahan kerajaan sedia ada yang terbukti membawa banyak kemakmuran dan kesejahteraan kepada negara.

Pengarah Eksekutif Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN), Datuk Mustapa Mohamed berkata, tugas kerajaan adalah untuk menjaga rakyat dan perkara itu telah dibuktikan oleh kerajaan Barisan Nasional (BN) di bawah kepimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Beliau berkata, pelbagai pembangunan yang dilaksanakan oleh kerajaan seperti pembinaan sekolah dan klinik adalah untuk menjaga rakyat dan bukannya menganiaya mereka.

Katanya, berkat kepimpinan yang berkesan maka rakyat pada hari ini boleh menikmati taraf hidup dan kesihatan yang jauh lebih baik berbanding sesetengah negara di dunia.

Jelas beliau, ini kerana pemimpin dan kerajaan yang ada sekarang mampu membawa pembangunan kepada negara seterusnya membolehkan rakyat mengecapi kemewahan.

“Jika kita tidak ada duit maka ramai akan menderita. Ini kerana, punca kemalunuran adalah kerana kita ada wang dan ini bukti bagaimana kerajaan pandai mengurus negara.

“Untuk mengurus negara, kita perlu kepada pemimpin yang pandai. Jika tidak, kita tidak ada bang. Kalau duduk main-main sahaja kita akan rugi sebab sebagai umat Islam kita perlu bekerja bersungguh-sungguh,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan mesyuarat agung kali ke-21 Kesatuan Bidan dan Jururawat Desa (KBJD) negeri Kelantan di Hotel Square Point di sini, hari ini.